



KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
Director, General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8
Level 8 Block E8
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Complex Parcel E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 0677
Faks: 03-8884 4548
Laman Web: www.mde.gov.my

Ruj. Kami: KPM 100-1/7/2 Jld 6 (12)
Tarikh: 20 November 2018

Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri

YBng. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 10 TAHUN 2018**

**PELAKSANAAN PEMAKAIAN KASUT DAN STOKING BERWARNA HITAM OLEH
MURID DI SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

TUJUAN

1. Surat pekeliling ikhtisas ini dikeluarkan bagi tujuan untuk memaklumkan berkenaan penguatkuasaan Pelaksanaan Pemakaian Kasut Dan Stoking Berwarna Hitam oleh Murid Di Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia.

LATAR BELAKANG

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) prihatin berkaitan isu warna kasut sekolah dalam kalangan murid. Justeru, KPM telah mengambil inisiatif dengan mengadakan libat urus bagi mendapatkan pandangan masyarakat mengenai perkara tersebut. Dapatan libat urus menunjukkan bahawa majoriti responden termasuk ibu bapa bersetuju dengan pemakaian kasut berwarna hitam berbanding kasut berwarna putih oleh murid sekolah.

PTPO
failkan

3. Sehubungan dengan itu, KPM telah memutuskan bahawa semua murid hendaklah memakai kasut dan stoking berwarna hitam bermula sesi persekolahan tahun 2021.

4. Dengan ini, peruntukan perkara 2.6 (Kasut), Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3, 1983 (Pakaian Seragam Muri-Murid Sekolah) adalah dipinda seperti ketetapan berikut:

4.1 Kasut

Kasut bagi murid-murid sekolah rendah dan menengah adalah **kasut berwarna hitam** yang diperbuat daripada kanvas atau daripada bahan sintetik lainnya seperti *nylon* dan *polyester* yang mempunyai daya resap dan penyaluran gerak udara dengan mengambil kira faktor keselesaan, keselamatan dan kesihatan (3S). Murid sekolah juga hendaklah memakai **stoking** dan **stoking** hendaklah berwarna hitam.

PELAKSANAAN

5. KPM telah bersetuju bahawa pemakaian kasut dan stoking berwarna hitam akan dilaksanakan secara beransur-ansur bermula pada sesi persekolahan tahun 2019 dan diperluaskan pada tahun 2020. Dalam tempoh transisi tersebut, murid-murid masih dibenarkan untuk memakai kasut dan stoking berwarna putih. Justeru, pihak sekolah diminta untuk tidak mengadakan peraturan atau memaksa murid-murid untuk memakai kasut berwarna hitam dalam tempoh transisi ini. Penguatkuasaan pemakaian kasut dan stoking berwarna hitam secara sepenuhnya akan bermula pada tahun 2021.

TARIKH KUAT KUASA

6. Surat pekeliling ikhtisas ini berkuat kuasa mulai hari pertama sesi persekolahan tahun 2019.

PEMBATALAN

7 Dengan berkuatkuasanya surat pekeliling ikhtisas ini, maka Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 8/1985 Pakaian Seragam Murid-Murid Sekolah (Pindaan) adalah dibatalkan

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

8 YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat pekeliling ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan.

Sekian, Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



DATUK Dr. AMIN BIN SENIN

Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

Merangkap Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru

